



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

---

#### LIMA NEGARA ASEAN SEPAKAT TANGANI ISU JEREBU MERENTAS SEMPADAN

---

**PUTRAJAYA, 8 OGOS 2019** - Mesyuarat ke - 21 Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution telah diadakan di Brunei Darussalam pada 6 Ogos 2019. Malaysia telah diwakili oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia.

Mesyuarat MSC telah membincangkan antaranya mengenai laporan keadaan cuaca semasa di rantau ASEAN. ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura telah melaporkan bahawa rantau ASEAN dijangka mengalami keadaan cuaca yang neutral tanpa El Nino atau La Nina pada bulan Ogos hingga Oktober tahun ini. Selatan rantau ini dijangka mengalami kekurangan taburan hujan terutamanya di Malaysia, Singapura dan Sumatera, Indonesia dengan cuaca yang lebih panas dan kering bagi tempoh Ogos hingga Oktober 2019.

Selain itu, kelima-lima negara MSC telah membentangkan tindakan yang diambil dalam menangani kejadian kebakaran dan jerebu di negara masing-masing. Secara amnya, kebanyakan kejadian kebakaran di negara ahli MSC adalah berpunca daripada kebakaran hutan dan tanah gambut disebabkan cuaca panas dan kering

yang melanda selatan rantau ASEAN. Maklumat berkaitan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mencegah dan menangani kejadian kebakaran dan jerebu antaranya menjalankan pemantauan cuaca dan titik panas secara berterusan, menguatkuaskan undang-undang, mensiapsiagakan peralatan dan sumber tenaga manusia serta memantapkan persiapan pemadaman kebakaran merupakan maklumat yang telah dikongsikan oleh setiap negara.

MSC juga telah mencapai kata sepakat mengenai:

- Berikrar (*pledged*) untuk berwaspada, memantau, mempertingkat langkah-langkah pencegahan bagi meminimakan sebarang kejadian jerebu rentas sempadan semasa cuaca panas dan kering di antara bulan Ogos hingga Oktober 2019;
- bersetuju untuk meningkatkan kerjasama menangani pencemaran jerebu merentas sempadan secara berkesan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Jerebu Merentas Sempadan; dan
- bersetuju mempertingkatkan koordinasi serantau melalui pelaksanaan projek-projek kerjasama antarabangsa melibatkan program menangani jerebu rentas sempadan, pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan dan konservasi kawasan tanah gambut.

Antara kerjasama yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh negara-negara adalah negara ahli MSC mengesahkan kesediaan mereka untuk memberi bantuan teknikal berupa peralatan dan sumber tenaga manusia (apabila diperlukan oleh negara ahli) sekiranya berlaku kebakaran hutan berskala besar yang menyebabkan jerebu merentas sempadan. MSC juga mengulangi komitmen untuk mencapai objektif dan prinsip Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan mencapai sasaran ‘ASEAN Tanpa Jerebu’ menjelang 2020 (Haze-Free ASEAN by 2020) dan akan meneruskan program-program pembangunan kapasiti dan latihan di kalangan negara anggota dalam menangani jerebu rentas sempadan.

Di peringkat domestik, Malaysia telah melaksanakan segala usaha antaranya melalui termasuk pengaktifan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan yang merupakan kerjasama secara bersepada melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri sebagaimana yang diputuskan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) di Putrajaya pada 2 Ogos 2019. Selain itu, jabatan/agensi akan menguatkuaskan undang-undang ke atas pesalah yang menyebabkan kebakaran terbuka dan memantapkan persediaan bagi pemadaman kebakaran bagi memastikan kejadian jerebu merentas sempadan dapat dicegah.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh HE Datuk Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (Brunei Darussalam), HE Mr Masagos Zulkifli (Singapura), Mr. Pralong Dumrongthai (Thailand), Dr Agus Justiano (Indonesia); dan HE Datuk Lim Jock Hoi (Setiausaha Agung ASEAN).

- **TAMAT** -

---

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Normaizatulakmal Tujad  
Pegawai Perhubungan Awam (Kanan)  
Unit Komunikasi Korporat,  
MESTECC  
No. Tel: 003-88858299

Dikeluarkan pada 8 Ogos 2019, jam 9.45 pagi.